

Hanya satu usul dibentang

BH - 7 JUN 2002

KUALA LUMPUR, Khamis - Seramai 690 perwakilan termasuk 30 Exco Pemuda Umno akan menghadiri Perhimpunan Agung pergerakan itu pada 19 Jun ini, dengan hanya satu usul dibentang untuk dibahaskan.

Usul terima kasih atas ucapan dasar Ketua Pemuda Umno itu merangkumi isu semasa termasuk sistem meritokrasi dan kuota 10 peratus untuk pelajar bukan Bumiputera ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). Ia akan dibentangkan oleh Ketua Pengerangannya, Azimi Daim.

Mesyuarat Exco Pemuda Umno hari ini juga memilih wakilnya untuk berucap membahaskan usul di Perhimpunan Agung Umno pada 20 hingga 22 Jun ini.

Ketua pergerakan itu, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata usul terima kasih atas ucapan Pre-

siden parti akan dibahas oleh bendaharinya, Wan Khairil Anuar Wan Ahmad.

Usul pendidikan akan dibahaskan oleh Dr Adham Baba selaku pengerusi biro pendidikan manakala usul agama dan sosial akan dibahas oleh Shamsul Najmi Shamsuddin.

"Dalam persidangan khas pindaan Perlembagaan Puteri Umno pula, kita putuskan jurucakap Pemuda ialah Zulkifli Mohd Alwi," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat itu.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan merasmikan serentak Perhimpunan Agung Pemuda dan Wanita serta konvensyen Puteri Umno pada sebelah malam 18 Jun.

Ini adalah kali pertama perasmian itu dilakukan sehari lebih awal bagi

mbolehkan perwakilan Pemuda dan Wanita Umno mempunyai tambahan masa tiga jam untuk mengadakan perhimpunan masing-masing, keesokannya.

Melalui format baru itu, Pemuda dan Wanita boleh meneruskan urusan persidangan pada pagi 19 Jun dan kemudian diikuti perhimpunan agung sebenar selama tiga hari bermula 20 hingga 22 Jun.

Persidangan khas akan turut diadakan sempena perhimpunan itu bagi meminda perlembagaan parti untuk mengesahkan kewujudan Puteri Umno termasuk menaikkan status ketuanya daripada kedudukan ahli Majlis Tertinggi (MT) sekarang kepada kedudukan Naib Presiden Umno iaitu sama seperti Ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita parti itu.

Puteri Umno kini masih

berstatus sebagai penaja. Jika pindaan itu diluluskan, maka proses pemilihan akan diadakan pada semua peringkat untuk Puteri Umno di seluruh negara sebelum perhimpunan bagi tujuan itu menjelang akhir tahun ini.

Hishammuddin berkata, Pemuda Umno juga mengadakan beberapa program sempena Perhimpunan Agung iaitu Ekspo Nasional Usahawan Pemuda Bumiputera bertempat di Dewan Tun Razak, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), pameran misi bantuan Afghanistan dan program Pemuda Masuk Kampung.

Ekspo dan pameran itu dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada jam 11 pagi 18 Jun ini.

Ekspo dari 18 hingga 22 Jun ini bertujuan menyuntik semangat keusahawa-

nan yang kental di kalangan usahawan muda Bumiputera. Kira-kira 30,000 pelawat dijangka mengunjunginya.

Sementara itu, Hishammuddin berkata, tindakan kerajaan Pas Terengganu untuk mengetepikan Peguam Negara dan membentangkan undang-undang Hudud di Dewan Undangan Negeri sebagai tidak mengikut perlembagaan.